

PENERAPAN NILAI DAN KAEDAH PENGAJARAN SEJARAH EFEKTIF DALAM MEMBENTUK PATRIOTISME. SATU TINJAUAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA.

Asmahani Muhthar¹, Md Hafis Khairuddin ²

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban, NSDK

²Universiti Kuala Lumpur-MIAT, Sepang, Selangor.

Correspondence: Shakila Che Dahalan shakilasdc@fsk.upsi.edu.my

Received: ; Accepted: ; Published:

Abstrak

Malaysia dan Indonesia antara negara yang menekankan nilai patriotisme dalam konteks kurikulum Sejarah untuk membangunkan kualiti pendidikan di negara masing-masing. Oleh itu, kajian ini bertujuan meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Selangor, Malaysia dan di Bandung, Indonesia daripada perspektif pelajar. Berdasarkan perspektif pelajar, penilaian terhadap aspek pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif ditinjau bagi meningkatkan nilai patriotisme. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik dan melibatkan sampel seramai 1200 pelajar yang dipilih secara rawak berstrata di Malaysia dan di Indonesia. Data kajian ini telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif, ujian t dan regresi berganda menggunakan aplikasi SPSS versi 22. Kajian ini melihat tahap persepsi terhadap penerapan nilai, penggunaan sumber, kaedah pengajaran yang efektif dan tahap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia dan di Indonesia. Sumbangan penerapan nilai, penggunaan sumber dan kaedah pengajaran yang efektif terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar juga dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif nilai kaedah pengajaran Sejarah efektif tiada perbezaan antara ke dua-dua negara dan keduanya pada tahap sederhana, penggunaan sumber efektif pengajaran sejarah terdapat perbezaan antara Malaysia dan Indonesia dan ke dua-dua negara pada tahap sederhana dan penerapan nilai dalam sejarah tiada perbezaan dan ke dua-dua negara pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, pelaksanaan pengajaran sejarah efektif secara keseluruhan terdapat perbezaan antara Malaysia dan Indonesia. Indonesia melebihi daripada Malaysia walaupun pelaksanaan pengajaran sejarah efektif secara keseluruhan ke dua-dua negara adalah pada tahap sederhana. Aspek nilai patriotisme secara keseluruhan adalah tinggi di Malaysia dan Indonesia. Terdapat perbezaan signifikan aspek nilai patriotisme secara keseluruhan antara Malaysia dan Indonesia iaitu Malaysia adalah lebih tinggi dari Indonesia. Ketiga-tiga pembolehubah penerapan nilai, penggunaan sumber dan kaedah pengajaran yang efektif menyumbang secara signifikan di Malaysia dan Indonesia.

Kata kunci: Kaedah Pengajaran Efektif, Pembelajaran Sejarah, Patriotisme, Malaysia, Indonesia.

Abstract

Malaysia and Indonesia are among the countries that emphasize the value of patriotism to develop the quality of education in their respective countries. Therefore, this study aims to review the implementation of teaching and learning History in Malaysia and Indonesia from the perspective of students. From the students' perspective, assessment of the effectiveness of History teaching implementation is reviewed to enhance the value of patriotism. This study takes the form of a survey using questionnaires and involves a sample of 1200 randomly selected students in Malaysia and Indonesia. The data of this study were analyzed using descriptive analysis, t-test, and multiple regression using SPSS version 22. This study examines the level of perception towards the implementation of values, the use of resources, effective teaching methods, and the level of patriotic practices among students in Malaysia and Indonesia. The contribution of the implementation of values, the use of resources, and effective teaching methods to patriotic practices among students is also examined. The findings of the study show that in the effective implementation of History teaching, there is no difference in the value of effective History teaching methods between Malaysia and Indonesia, and both countries are at a moderate level. There is a difference in the effective use of historical teaching resources between Malaysia and Indonesia, and both countries are at a moderate level, and the implementation of values in history shows no difference between Malaysia and Indonesia, and both countries are at a moderate level. However, the overall effective implementation of history teaching differs between Malaysia and Indonesia. The aspect of patriotism values overall is high in Malaysia and Indonesia. There is a significant difference in the overall aspect of patriotism values between Malaysia and Indonesia. All three variables of the implementation of values, the use of resources, and effective teaching methods contribute significantly in Malaysia and Indonesia.

Keywords: Effective Teaching Methods, History Learning, Patriotism, Malaysia, Indonesia.

PENGENALAN

Malaysia dan Indonesia mempunyai suatu hubungan tradisi yang diasaskan kepada nilai sepunya daripada sudut persamaan rumpun bangsa, budaya dan agama. Oleh itu, rakyat kedua-dua negara dikatakan bersekutu dalam kumpulan Melayu. Kedua-dua negara

pernah dijajah oleh kuasa kolonial Barat yang sama iaitu Portugis, Belanda, British dan juga Jepun. Setelah memperoleh kemerdekaan daripada penjajah, Malaysia dan Indonesia responsif melaksanakan pembinaan negara dengan memanfaatkan sumber semula jadi serta sumber manusia mereka. Kesamaan itu melihatkan adanya hubungan yang kuat khususnya antara pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Dalam hal ini, Ikhsan Othman (2016) berpandangan bahawa kelalaian dalam aspek pembangunan pendidikan akan melahirkan generasi sumber manusia yang kurang berkualiti.

Pembangunan kualiti pendidikan merupakan citra bagi sesebuah negara. Bagi membangunkan kualiti pendidikan dalam konteks negara masing-masing, Malaysia dan Indonesia sealiran melihat penekanan kepada kemahiran dan nilai melalui kurikulum Sejarah menjadi wadah penting dalam membangunkan kualiti pendidikan. Kelebihan yang ada dalam disiplin sejarah beserta pengintegrasian nilai khususnya patriotisme cuba dioptimumkan agar potensi diri pelajar dapat dikembangkan untuk melahirkan modal insan berkualiti demi mencorak masa depan pembangunan ke dua-dua negara tersebut (Anuar Ahmad, 2015; Rorlinda & Noriah 2016; Setya Ningsih, 2018)). Persamaan dalam berfokuskan elemen sejarah ini diyakini berupaya diterapkan kerana murid-murid di Malaysia dan di Indonesia mempunyai persamaan daripada segi gaya pembelajaran, pendekatan untuk pembelajaran, motivasi dan kepercayaan mengenai kebolehan sendiri (Boxtel & Drie, 2018). Jelas, terdapat persamaan antara sistem pendidikan di Malaysia dan di Indonesia yang responsif untuk membangunkan sumber manusia berkualiti melalui sistem pendidikan.

LATAR-BELAKANG KAJIAN

Subjek Sejarah merupakan subjek teras yang diwajibkan kepada semua pelajar bermula sejak di peringkat rendah iaitu 10 tahun sehingga ke peringkat menengah iaitu pada peringkat umur 17 tahun. Langkah wajib tersebut dilaksanakan dengan asas tujuan pelajar-pelajar dapat meningkatkan pengetahuan Sejarah negara dan menjadi warganegara yang patriotik. Bagi memenuhi keperluan tersebut pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2020) menggariskan matlamat yang menyuburkan dan mengukuhkan semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara yang global namun bertindak secara lokal. Agenda besar negara dalam mewujudkan semangat perpaduan turut digalas dalam kandungan sejarah negara yang perlu dipelajari oleh pelajar di Malaysia. Berdasarkan kajian tinjauan ini, kandungan kurikulum Sejarah KSSM hanya melibatkan tema Tamadun Awal Manusia, Sejarah Islam dan Perkembangannya kerana tema ini mempunyai persamaan dengan kandungan dalam Sejarah Indonesia bagi Kelompok Wajib untuk pelajar atau siswa Kelas 10 pada peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA).

Sejarah K13 di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, (Kemdikbud) (2013) bermatlamat untuk memupuk nasionalisme, kemampuan berfikir dan kemahiran sejarah. Walaupun Sejarah tidak diajar di peringkat Sekolah Dasar (SD) tetapi pelajar mempelajari subjek Ilmu Pengetahuan Sosial (IPS). IPS berkait rapat dengan disiplin sains sosial yang digabungkan dengan pengetahuan lain yang dijelaskan secara ilmiah dan pedagogi untuk kepentingan pembelajaran. Pada dasarnya IPS mempunyai persamaan matlamat sejarah dengan tujuan menyediakan pelajar sebagai warganegara yang baik dengan memfokuskan penguasaan pengetahuan, sikap dan nilai sosial. Berdasarkan latar belakang yang dibincangkan berkaitan matlamat, objektif,

kandungan Sejarah dan pelaksanaan kurikulum Sejarah pada peringkat Sekolah Menengah tingkatan 4 dan SMA Kelas 10 mendapati bahawa guru-guru Sejarah berautoriti sebagai agen sosialisasi melaksanakan kurikulum tersebut dalam mencapai matlamat FPK dan Falsafah Pendidikan Indonesia (FPI). Kemahiran yang tinggi dalam proses instruksional diperlukan kerana subjek Sejarah menjadi alat pembinaan bangsa khusus dalam merealisasikan aspirasi negara.

PERNYATAAN MASALAH

Generasi baharu yang kerap terdedah dengan media sosial mula mengalami cabaran kelunturan nilai patriotisme. Konsep terbuka yang diterima menyebabkan golongan yang berkepentingan mengemukakan pelbagai isu sensitif dengan lantang sejak kebelakangan ini. Kesanggupan rakyat melepaskan kerakyatan sebagai warganegara Malaysia, memijak gambar pemimpin (Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Shamsul Anuar Nasarah, 2016) menghina lagu “Negaraku”, melibatkan diri dengan puak ekstrimis, dan mengkhianati negara adalah membimbangkan (Mohd Mahadee Ismail et al. 2016). Begitu juga dengan kegagalan 46 732 atau 12 peratus pelajar dalam subjek Sejarah di peringkat SPM (KPM, 2019) menunjukkan cabaran dalam membentuk nilai patriotisme. Manakala pengaruh budaya asing yang menular dalam gaya hidup generasi muda Indonesia juga membimbangkan. Fenomena ini menjadi punca kelemahan patriotisme bangsa Indonesia. Patriotisme sebagai satu bentuk perwatakan tidak terbentuk dengan sendirinya tetapi memerlukan proses pendidikan dan budaya (Moh. Fatkur Rohman, 2021). Dalam hal ini ternyata pendidikan Sejarah berperanan penting untuk memupuk nilai patriotisme.

Peranan Sejarah dalam meningkatkan patriotisme perlu diambil perhatian kerana subjek Sejarah merupakan mekanisme membentuk pemikiran sejarah dan pengukuhan cintakan negara bagi pembinaan bangsa yang maju secara holistik. Merujuk aspek pembinaan bangsa, Indonesia dilihat negara yang relevan untuk dibandingkan kerana persamaan daripada aspek keserumpunan, sejarah penjajahan, latar belakang latihan perguruan dan kandungan matlamat pendidikan. Malah, keutuhan warganya terhadap Pancasila dan Sang Saka Merah Putih terbukti berdasarkan kriteria indeks modal sosial. Komparatifnya, kedudukan Indonesia jauh di hadapan pada kedudukan ke 5 berbanding Malaysia pada kedudukan ke 29 daripada 167 buah negara. Ironinya, indeks kualiti pendidikan Malaysia pula pada kedudukan 31 berbanding Indonesia jauh ke terbelakang pada kedudukan ke 88 (*The Legatum Prosperity Index*, 2019). Walau bagaimanapun, indeks kualiti pendidikan yang membanggakan itu tidak menggambarkan potensi besar subjek Sejarah dalam realiti dunia pendidikan Malaysia pada hari ini khususnya dalam aspek patriotisme.

Walaupun berada di kedudukan yang membanggakan, Indonesia seperti juga di Malaysia masih menghadapi kemelut stigma sejarah sebagai subjek yang tidak relevan dan subjek yang sinonim dengan hafalan seperti mana dalam kajian Boadu (2015), Havekes et al (2017) dan Muhammad Adi Saputra et al. (2018). Ini dikukuhkan lagi dengan kajian oleh Setya Ningsih (2018); Sharipah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor (2016) yang melihat pendekatan hafalan dalam sejarah telah menyekat kemampuan pelajar berfikiran kritis, tidak berkaitan dengan realiti kehidupan dan tidak membangkitkan rasa ingin tahu. Pengetahuan sejarah negara dan dunia yang terbatas di samping pengetahuan nilai yang terhad turut menjadi menyumbang permasalahan kepada pelaksanaan pengajaran tidak efektif sekaligus memberi impak kepada amalan nilai patriotisme. Hubungan antara

amalan pengajaran sejarah efektif dan pencapaian pelajar telah dibuktikan secara empirikal dalam banyak kajian terdahulu seperti Boadu (2015), Gess-Newsome (2002), Kim et al. (2019) dan Straaten et al. (2018) yang memfokuskan kepada pembolehubah pedagogi dan penguasaan kandungan pengaruhnya kepada guru terhadap subjek yang diajar. Rata-rata kajian mendapati bahawa keperluan menekankan kesignifikan penguasaan pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi dengan pengajaran efektif harus seiring dengan tujuan membimbing pelajar dalam pengamalan nilai.

Kajian lepas menyokong kurangnya penghayatan patriotisme dalam kalangan pelajar berpunca daripada kekurangan penekanan terhadap aspek pendidikan ilmu berkenaan kenegaraan (Abdul Aziz Abdul Rahman, 2017; Nair & Sinasamy, 2018; Siti Nor Azhani Mohd Tahar et al 2019). Manakala kajian Hayati Syafri & Sendu Ardila (2018); Johan Setiawan, et al. (2020); Dianto (2017) turut melihat kebimbangan kelunturan patriotisme dalam kalangan generasi muda di Indonesia. Kajian kedua negara ini memberi indikator kepada guru perlu sentiasa proaktif agar patriotisme tidak terus luntur dalam diri generasi muda. Tahap kesedaran itu turut memberi implikasi dominan kepada persekitaran yang menekankan kelestarian patriotisme dan keutuhan perpaduan kebangsaan dalam kalangan generasi muda di Malaysia dan di Indonesia yang digambarkan membimbangkan. Dalam mengekalkan kedaulatan negara Abdul Razaq Ahmad (2018) dan Ku Hasnita Ku Samsu et al. (2020) bersependapat kekuatan patriotisme harus dikukuhkan bermula daripada generasi muda dan aspek ini perlu disalurkan melalui pendidikan. Jelasnya, kedua negara mengalami kelompongan pembolehubah-pembolehubah yang dijelaskan. Namun, jurang yang luas antara dua negara ini tidak dapat dijelaskan secara empirikal kerana kurangnya kajian perbandingan daripada sudut tempatan. Jika ada pun, jurang tersebut dikaji tidak

menyeluruh dan tidak mengaitkan ke semua pemboleh ubah dalam satu kajian seperti kajian perbandingan berkenaan nilai murni dalam kajian Sharifah Nor Puteh et al. (2012) pembangunan sumber daya manusia oleh Ikhsan Othman (2016), kemahiran pemikiran sejarah (Muhthar, A et al. (2021); pendidikan Sejarah (Nordahlia Zainal et al. 2019) pedagogi Salmiza Saleh & Sang (2019); sokongan budaya dan persekitaran sekolah (Sobri et al. 2017) dan perbandingan pembelajaran Sejarah (Sutimin, 2019). Mengambil kira faktor tersebut, maka satu kajian perbandingan antara Malaysia dan Indonesia daripada perspektif pelajar berkaitan patriotisme dijalankan. Berdasarkan perspektif pelajar melihat sejauh mana penilaian mereka terhadap pelaksanaan pengajaran guru. Justeru, kajian tinjauan yang membandingkan data wajar dilakukan kerana penyelidik menjangkakan dapat memberi dimensi baru dalam dapatan daripada dua negara ini. Kesignifikanan kajian diharap dapat membantu guru Sejarah di Malaysia membuat pertimbangan ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini terkandung seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap penerapan nilai, penggunaan sumber dan kaedah pengajaran yang efektif sebagai pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif daripada perspektif pelajar di Malaysia dan di Indonesia
2. Mengenalpasti tahap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia dan di Indonesia.

3. Mengenalpasti sumbangan aspek penerapan nilai, penggunaan sumber dan kaedah pengajaran yang efektif sebagai pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia dan di Indonesia.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian maka, persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap penerapan nilai, penggunaan sumber dan kaedah pengajaran yang efektif sebagai pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif daripada perspektif pelajar di Malaysia dan di Indonesia?
2. Apakah tahap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia dan di Indonesia?
3. Adakah terdapat sumbangan penerapan nilai, penggunaan sumber dan kaedah pengajaran yang efektif sebagai pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia dan di Indonesia?

KAJIAN LITERATUR DAN ASAS PERTIMBANGAN MODEL

Agenda keberhasilan pelajar secara holistik dirangka sejajar dengan matlamat dan objektif antara negara Malaysia dan Indonesia. Terdapat banyak persamaan di antara kedua negara ini dan persamaan tersebut bukan kebetulan tetapi atas faktor keserumpunan, sejarah penjajahan, isi kandungan buku teks dan latar belakang latihan perguruan yang serupa. Berdasarkan laporan audit kompetensi pengajaran guru-guru di negara-negara Asia Tenggara oleh Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) (Susantono & Park, 2020) terdapat garis panduan untuk guru-guru termasuk

Malaysia dan Indonesia agar standard profesional adalah mencapai tahap global. Garis panduan tersebut merangkumi kemahiran pedagogi, kemahiran penilaian prestasi pelajar, kemahiran pengurusan bilik darjah dan kemahiran pembangunan profesional. Hal ini turut menjadi antara faktor kemahiran dan pendekatan guru-guru Sejarah di Malaysia dan Indonesia adalah serupa. Secara amnya, SEAMEO mengariskan guru yang kompeten ialah guru yang boleh merancang matlamat jangka panjang dan jangka pendek berdasarkan kurikulum kebangsaan dan diselaraskan pada peringkat sekolah (Vesamavibool et al. 2015). Bagi hal itu, dicadangkan guru menggunakan strategi pengajaran yang kreatif, inovatif dan sistematik dengan objektif pelajaran di samping mengaplikasi sumber dan teknologi yang efektif agar bersesuaian dengan kebolehan, minat, motivasi dan gaya pembelajaran pelajar.


Subjek Sejarah di Malaysia dan di Indonesia sentiasa dinamik dengan realiti semasa namun masih mengekalkan fokus kepada kemahiran, pengetahuan dan nilai. Elemen-elemen ini dititikberatkan kerana kognitif, psikomotor dan afektif merupakan kesepaduan elemen yang lengkap dalam pendidikan. Nilai yang dititikberatkan ialah nilai-nilai yang dapat menyemarakkan karakter bangsa bagi warga negara masing-masing. Manakala, kemahiran pemikiran sejarah antara aspek kemahiran yang terangkum dalam struktur disiplin sejarah yang menjadi fokus kurikulum. Berdasarkan PPPM 2013–2025 transformasi kurikulum turut merujuk kepada menggembelngkan usaha untuk penambahbaikan program pembelajaran dengan matlamat melonjatkan keberhasilan pelajar (KPM, 2018). Usaha positif ini bertujuan mencapai enam aspirasi pelajar iaitu mencakupi berkenaan pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Kesemua

aspirasi ini dipilih dengan dasar keperluan global dan merangkumi keseluruhan aspek yang disasarkan.

Jelas, perkembangan yang berlaku dalam kurikulum Sejarah di Malaysia dan di Indonesia adalah mengikut arus perubahan semasa negara dan transformasi yang berlaku bukan dilaksanakan secara melulu kerana sebarang perubahan yang berlaku mencakupi jangka masa yang panjang dan melibatkan hala tuju bangsa dan negara pada masa akan datang. Pelbagai elemen yang difikir wajar dimuatkan dalam pembentukan kurikulum Sejarah yang bersesuaian dengan ilmu, kemahiran-kemahiran, dan nilai yang diperlukan sejajar dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 dan menghadapi revolusi industri 4.0 (KPM 2018; Kemendikbud 2018). Perkembangan dan perubahan ini bukan sahaja menjadi agenda utama kurikulum di Malaysia dan di Indonesia tetapi turut berlaku di negara Asia dan negara maju yang lain seperti Singapura, Finland dan Jepun.

Model Pengajaran Sejarah Efektif

Kajian ini turut bersandarkan kepada model pengajaran Boadu et al. (2020) bagi konstruk pengajaran efektif yang merangkumi aspek pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi Sejarah. Berasaskan model ini pengajaran guru Sejarah memerlukan penglibatan idea dan tindakan, kandungan dan kemahiran, aktiviti yang dirancang dan momen yang dapat diajar, serta melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian pengajaran. Bagi keperluan sedemikian, Boadu menekankan penguasaan pengetahuan Sejarah dan mengaplikasikan pedagogi yang melibatkan idea, nilai dan pemikiran guru mengenai pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada perkara-perkara yang dapat ditaakul yang digambarkan seperti rajah berikut:




Rajah 1; Model Pengajaran Sejarah

Boadu (2020) turut menjelaskan proses instruksional yang berkesan melibatkan pemahaman yang luas dan terperinci tentang bagaimana dan mengapa aktiviti tertentu membawa kepada pembelajaran dan faktor apa yang mempengaruhi keberkesanannya. Guru menggunakan amalan terbaik untuk memastikan pembelajaran berlaku dengan efektif dan relevan dengan minat dan motivasi pelajar untuk mempelajari sejarah, berjaya membimbing pelajar untuk membuat penilaian kritis terhadap isu sejarah dan memahami peristiwa sejarah dalam konteks yang bersesuaian.

Model Nilai Patriotisme

Nilai-nilai patriotisme dalam kajian ini berdasarkan Model Patriotisme, KPM (2003) yang merangkumi lima konstruk utama iaitu berbangga sebagai warga negara, bersemangat setia negara, bersemangat kekitaan, berdisiplin, berdaya saing dan produktif.

Rajah model adalah seperti berikut:



Sumber:Abdul Aziz Abdul Rahman 2017

Rajah 2; Model Patriotisme

Individu yang tidak mempunyai nilai patriotisme agak sukar untuk mempunyai perasaan bangga sebagai seorang rakyat sebuah negara. Lazimnya, individu yang cinta negaranya sanggup mempertahankan dan menyanjung apa-apa yang telah termaktub dalam perlembagaan negara. Namun untuk membentuk perasaan bangga sebagai warganegara bukan perkara mudah. Hal ini kerana pasti ada cabaran dan halangan contohnya nilai patriotisme terhakis sekiranya sikap individualisme mendominasi diri seseorang (Moh. Fatkur Rohman 2021). Sikap ini kian menular dalam masyarakat dan dapat dilihat melalui perkembangan sikap individu autonomi atau individu berdaulat.

Pemupukan semangat patriotisme memerlukan elemen setia kepada negara perlu diterapkan dalam jiwa generasi masa kini . Hal ini disebabkan individu yang mempunyai perasaan cinta akan negara dan bangsa mempunyai satu sikap bertanggung jawab membawa kemajuan kepada negara. Penerapan nilai patriotisme mampu mengubah cara pemikiran individu terutama golongan pelajar sekolah. Abdul Aziz (2017) menerangkan

bahawa konsep patriotisme memerlukan langkah penerapan jiwa individu dengan betul seperti menghayati semangat dan ideologi negara. Ini kerana konsep patriotisme terbentuk melalui kesinambungan antara semangat dan ideologi yang memerlukan kefahaman melalui pendidikan.

Elemen yang seterusnya iaitu semangat kekitaan membawa konsep mempunyai keinginan saling membantu dan kerjasama dalam setiap diri individu tanpa mengira agama, bangsa dan negara (Hamidah Yusof et al 2019). Semangat kekitaan adalah perkara yang dilihat perkara mudah untuk diterap dalam kalangan masyarakat amnya namun hakikatnya nilai ini sukar diterapkan ekoran kepelbagaian hala tuju antara masyarakat di Malaysia dan di Indonesia. Ciri-ciri patriotisme bukan sahaja digambarkan melalui hubungan individu dengan negara dan pemimpin sebelum ini tetapi menurut Ramachandran & Awang (2023) semangat kekitaan turut melibatkan hubungan sesama masyarakat. Kestabilan sesebuah negara merupakan jaminan keamanan dan kemajuan negara. Lantaran itu, konsep kebersamaan dalam perbezaan dalam kehidupan masyarakat perlu dikukuhkan dalam mencapai semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat.

Ciri-ciri masyarakat yang berdisiplin adalah masyarakat yang mematuhi undang-undang, mematuhi peraturan, bertindak rasional, jujur, berlaku adil, bertanggung jawab, bersikap ikhlas, amanah dan bertimbang rasa (Faiz & Avcı, 2020). Ironinya, rakyat yang bersemangat patriotisme sepatutnya juga berdisiplin. Oleh itu, warganegara Malaysia seharusnya bertanggung jawab untuk mematuhi dan taat pada peraturan, undang undang dan perlembagaan negara yang telah ditetapkan. Kepatuhan kepada undang-undang adalah penting kerana ketidakpatuhan kepada undang-undang memberi impak negatif kepada negara.

Manakala, individu yang mempunyai daya produktif dan berusaha merupakan individu yang rajin, tekun, berdikari, tabah dalam menempuh cabaran. Lazimnya sikap yang sedemikian, menyebabkan individu tersebut mempunyai semangat cinta yang tinggi terhadap negara. Dalam mencapai hasrat melahirkan individu berdaya saing maka setiap anggota masyarakat perlu dipupuk sikap berdikari, sabar dan proaktif (Abdul Aziz 2017). Selain daripada pemupukan sikap positif dalam diri masyarakat Malaysia juga memerlukan rakyat yang berilmu, berkemahiran, bermaruah, sanggup berkorban dan tidak mengharapkan bantuan semata-mata untuk berjaya.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik. Kajian deskriptif menggunakan kaedah tinjauan merupakan elemen penting dalam melaksanakan suatu kajian dengan tujuan mendapatkan maklumat dan idea (Sekaran, U & Bougie, 2016). Menurut Creswell & Clark (2018) kajian tinjauan merupakan kaedah mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, sikap dan persepsi sesuatu populasi daripada respons individu yang dipilih sebagai sampel. Manakala Cohen et al. (2007) menyatakan kajian tinjauan ialah antara kajian yang efektif dan kerap dijalankan dalam penyelidikan khususnya dalam bidang pendidikan.

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik menjelaskan sejauh mana skor-skor dalam setiap item yang diperolehi adalah konsisten atau stabil apabila diuji beberapa kali. Kebolehpercayaan instrumen merujuk kepada darjah pengukuran yang konsisten untuk setiap kali pengukuran dilakukan dan diuji melalui pekali Alpha Cronbach. Alpha Cronbach adalah nilai indeks kebolehpercayaan yang menunjukkan cara

item-item berhubung antara satu sama lain. Kebanyakan penyelidik menggunakan nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi daripada 0.70 kerana nilai ini lebih sesuai. Selepas kajian rintis dijalankan, terdapat item yang diubahsuai dan digugurkan bagi meningkatkan indeks kebolehpercayaan (Sekaran 2000).

Dapatan dan Perbincangan

Tahap penerapan nilai, penggunaan sumber dan kaedah pengajaran yang efektif dalam pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif dalam kalangan guru dilihat dalam tiga aspek iaitu kaedah pengajaran sejarah efektif, penggunaan sumber efektif pengajaran sejarah, dan penerapan nilai efektif. Hasil analisis tahap pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif dalam kalangan guru di Malaysia dan di Indonesia daripada perspektif pelajar adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Aspek	Negara	Bil	Min	SD	Interpretasi Min	Nilai-t	Sig.
Kaedah Pengajaran Sejarah Efektif	Malaysia	600	3.45	.722	Sederhana	-.228	.819
	Indonesia	600	3.46	.576	Sederhana		
Penggunaan sumber efektif pengajaran Sejarah	Malaysia	600	2.96	.844	Sederhana	-8.387	.000*
	Indonesia	600	3.34	.710	Sederhana		
Penerapan nilai dalam Sejarah	Malaysia	600	3.56	.753	Sederhana	-1.493	.136
	Indonesia	600	3.62	.654	Sederhana		
Keseluruhan	Malaysia	600	3.33	.665	Sederhana	-4.169	.000*
	Indonesia	600	3.48	.570	Sederhana		

Jadual 1: Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Pelaksanaan Pengajaran Sejarah Efektif dalam Kalangan Guru daripada Perspektif Pelajar di Malaysia dan di Indonesia

Berdasarkan Jadual 1, didapati secara keseluruhan tahap pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif dalam kalangan guru daripada perspektif pelajar di Malaysia adalah pada tahap

seederhana (min=3.33; s.p.=0.665) dan tahap pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif dalam kalangan guru daripada perspektif pelajar di Indonesia (min=3.48; s.p.=0.570) juga pada tahap seederhana. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan ($t= -4.169$; $p < 0.05$) iaitu tahap pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif dalam kalangan guru daripada perspektif pelajar di Indonesia adalah lebih tinggi berbanding di Malaysia.

Analisis perbandingan setiap aspek dalam tahap pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif dalam kalangan guru daripada aspek penggunaan sumber efektif pengajaran Sejarah menunjukkan di Malaysia (min=2.96; s.p.=0.844) dan di Indonesia juga (min=3.34; s.p.=0.770) pada tahap seederhana. Namun demikian, terdapat perbezaan yang signifikan ($t=-8.387$; $p < 0.05$ di mana tahap pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif daripada aspek penggunaan sumber efektif pengajaran Sejarah dalam kalangan guru daripada perspektif pelajar di Indonesia adalah lebih tinggi berbanding di Malaysia.

Sementara, pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif daripada aspek kaedah pengajaran sejarah efektif (min=3.45; s.p.=0.722) dan penerapan nilai dalam sejarah (min=3.56; s.p.=0.753) daripada perspektif pelajar di Malaysia adalah pada tahap seederhana, dan begitu juga aspek kaedah pengajaran sejarah efektif (min=3.46; s.p.=0.576) dan penerapan nilai dalam sejarah (min=3.62; s.p.=0.654) di Indonesia juga pada tahap seederhana, dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Manakalan, tahap amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar dilihat dalam lima aspek iaitu bangga menjadi warganegara, bersemangat setia negara, mempunyai semangat kekitaan, berdisiplin, dan berdaya saing dan produktif. Hasil analisis tahap

amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia dan di Indonesia adalah seperti dalam Jadual 2.

Aspek	Negara	Bil	Min	SD	Interpretasi M _{Min}	Nilai-t	Sig.
Bangga Menjadi Warganegara	Malaysia	600	3.89	.648	Tinggi	-.888	.375
	Indonesia	600	3.92	.608	Tinggi		
Bersemangat Setia Negara	Malaysia	600	4.35	.672	Tinggi	4.474	.000*
	Indonesia	600	4.19	.626	Tinggi		
Mempunyai Semangat Kekitaan	Malaysia	600	4.36	.655	Tinggi	3.091	.002*
	Indonesia	600	4.25	.604	Tinggi		
Berdisiplin	Malaysia	600	4.35	.630	Tinggi	2.494	.013*
	Indonesia	600	4.26	.588	Tinggi		
Berdaya Saing dan Produktif	Malaysia	600	3.95	.735	Tinggi	-.102	.918
	Indonesia	600	3.95	.673	Tinggi		
Keseluruhan	Malaysia	600	4.18	.553	Tinggi	2.148	.032*
	Indonesia	600	4.11	.515	Tinggi		

Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Aspek Amalan Nilai Patriotisme dalam Kalangan Pelajar di Malaysia dan di Indonesia

Berdasarkan Jadual 2, didapati secara keseluruhan tahap amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia adalah pada tahap tinggi (min=4.18; s.p.=0.553) dan tahap amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar di Indonesia (min=4.11; s.p.=0.515) juga pada tahap tinggi dan terdapat perbezaan yang signifikan ($t=2.148$; $p<0.05$ yang mana tahap amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar di Indonesia.

Analisis perbandingan setiap aspek dalam tahap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di kedua-dua negara menunjukkan bahawa amalan nilai bangga menjadi warganegara di Malaysia ialah pada tahap (min=3.89; s.p.=0.648) dan Indonesia pada

tahap (min=3.92; s.p.=0.608) dan amalan nilai berdaya saing dan produktif di Malaysia pada tahap (min=3.95; s.p.=0.735) dan Indonesia pada tahap (min=3.95; s.p.=0.673) adalah tinggi dan tidak berbeza secara signifikan.

Namun demikian, terdapat perbezaan yang signifikan ($t=4.474$; $p<0.05$ daripada segi amalan patriotisme daripada aspek bersemangat setia negara dalam kalangan pelajar di Malaysia (min=4.35; s.p.=0.672) adalah lebih tinggi berbanding dengan Indonesia (min=4.19; s.p.=0.626). Begitu juga aspek bersemangat kekitaan yang terdapat perbezaan yang signifikan ($t=3.091$; $p<0.05$ dalam kalangan pelajar di Malaysia (min=4.36; s.p.=0.655); adalah lebih tinggi berbanding dengan di Indonesia (min=4.25; s.p.=0.604). Manakala aspek berdisiplin turut mempunyai perbezaan yang signifikan ($t=2.494$; $p<0.05$) dalam kalangan pelajar di Malaysia (min=4.35; s.p.=0.630) adalah lebih tinggi berbanding di Indonesia (min=4.26; s.p.=0.588).

Bagi menjawab persoalan kajian ke 3 pula merujuk kepada Jadual 3 dan 4 yang menunjukkan keputusan analisis regresi stepwise yang melibatkan tiga pembolehubah bebas iaitu kaedah pengajaran Sejarah efektif, penggunaan sumber efektif pengajaran Sejarah dan penerapan nilai dalam sejarah terhadap pembolehubah bersandar iaitu amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Pembolehubah (x)	B	Beta	Nilai-t	Sig-t	R²	Sumbangan (%)
Penerapan nilai efektif	.254	.346	7.602	.000	.242	24.2
Penggunaan sumber efektif	.211	.298	5.956	.000	.253	25.3
Kaedah pengajaran Sejarah efektif	.174	.227	4.998	.000	.272	27.2
konstant	2.675		25.851	.000		

F value = 111.589; R = 0.862; R2 = 0.862; Adjust R2 = 0.862

Jadual 3: Analisis Regresi Berganda (*stepwise*) Pembolehubah yang Mempengaruhi Amalan Patriotisme dalam Kalangan Pelajar di Malaysia.

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	Tahap Signifikan (p)
Regresi	49.948	2	24.974	111.589	0.000**
Residul	133.611	597	.224		
Jumlah	183.560	599			

Jadual 4: Analisis Varians

Jadual ANOVA 4 di atas menunjukkan bahawa pembolehubah bebas; kaedah pengajaran Sejarah efektif, penggunaan sumber efektif pengajaran Sejarah dan penerapan nilai dalam sejarah meramalkan pembolehubah amalan patriotisme bergantung pada nilai $F = 111.589$ dan $p = .000$, yang bermaksud model regresi sepadan dengan data yang ada dan sesuai secara statistik.

Analisis regresi berganda (*stepwise*) pada Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan bahawa pembolehubah bebas iaitu kaedah pengajaran Sejarah efektif, penggunaan sumber efektif pengajaran Sejarah dan penerapan nilai dalam sejarah merupakan peramal yang mempunyai korelasi dan pengaruh serta menyumbang secara signifikan sebanyak 86.2 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Peramal utama dan tertinggi terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Malaysia ialah penerapan nilai dalam sejarah ($\beta=0.346$, $t=7.602$ dan $p=0.000$) dan sumbangannya sebanyak 24.2 peratus. Keadaan ini menunjukkan apabila skor penerapan nilai dalam sejarah bertambah sebanyak satu unit, amalan patriotisme dalam kalangan

pelajar di Malaysia bertambah sebanyak 0.346 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan penerapan nilai dalam sejarah dalam pengajaran adalah faktor utama yang menyumbang sebanyak 24.2 peratus kepada amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Malaysia.

Peramal kedua terpenting yang menyumbang sebanyak 27.2 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Malaysia ialah kaedah pengajaran Sejarah efektif ($\beta=0.227$, $t=4.998$ dan $p=0.000$). Ini bermakna apabila skor kaedah pengajaran Sejarah efektif bertambah sebanyak satu unit amalan patriotisme dalam kalangan pelajar bertambah sebanyak 0.227 unit. Dengan lain perkataan kaedah pengajaran Sejarah efektif adalah penting dalam meningkatkan amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Malaysia.

Peramal ketiga terpenting yang menyumbang sebanyak 25.3 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Malaysia ialah penggunaan sumber efektif ($\beta=0.298$, $t=5.956$ dan $p=0.000$). Ini bermakna apabila skor penggunaan sumber efektif bertambah sebanyak satu unit amalan patriotisme dalam kalangan pelajar bertambah sebanyak 0.298 unit. Dengan lain perkataan penggunaan sumber efektif adalah penting dalam meningkatkan amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Malaysia.

Analisis varians mendapati nilai $F(2, 597) = 111.589$; $p=0.000$ ($p < 0.05$). Nilai R Kuasa Dua ($R^2=0.862$) menunjukkan sumbangan keseluruhan tiga pembolehubah bebas yang diamati sebanyak 86.2 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Malaysia iaitu penerapan nilai dalam sejarah sebanyak 24.2 peratus, penggunaan sumber efektif sebanyak 25.3 dan kaedah pengajaran Sejarah efektif sebanyak 27.2 peratus.

Jadual 5 dan 6 pula menunjukkan keputusan analisis regresi *stepwise* yang melibatkan tiga pembolehubah bebas iaitu kaedah pengajaran Sejarah efektif, penggunaan sumber efektif pengajaran Sejarah dan penerapan nilai dalam sejarah terhadap pembolehubah bersandar iaitu amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Indonesia.

Pembolehubah (x)	B	Beta	Nilai-t	Sig-t	R ²	Sumbangan (%)
Penerapan nilai efektif	.280	.355	8.029	.000	.259	25.9
Penggunaan sumber efektif	.223	.312	6.876	.000	.276	27.6
Kaedah pengajaran Sejarah efektif	.218	.243	5.499	.000	.295	29.5
konstant	2.347		20.363	.000		

F value =124.721; R = 0.911; R2 = 0.911; Adjusted R2 = 0.911

Jadual 5 Analisis Regresi Berganda (stepwise) Pembolehubah yang Mempengaruhi Amalan Patriotisme dalam Kalangan Pelajar di Indonesia

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	Tahap Signifikan (p)
Regresi	46.943	2	23.471	124.72	0.000**
Residul	112.350	597	.188		
Jumlah	159.292	599			

Jadual 6: Analisis Varians

Analisis regresi berganda (stepwise) pada Jadual 5 dan 6 menunjukkan bahawa pembolehubah bebas iaitu penerapan nilai dalam sejarah, penggunaan sumber efektif dan kaedah pengajaran Sejarah efektif merupakan peramal yang mempunyai korelasi dan pengaruh serta menyumbang secara signifikan sebanyak 91.1 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Indonesia.

Peramal utama dan tertinggi terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Indonesia ialah kaedah pengajaran sejarah efektif ($p=0.000$) dan sumbangannya sebanyak 29.5 peratus. Peramal utama terpenting yang menyumbang sebanyak 29.5 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Indonesia ialah kaedah pengajaran sejarah efektif ($\beta = 0.243$, $t = 5.499$ dan $p = 0.000$). Ini bermakna sejarah efektif bertambah sebanyak satu unit amalan patriotisme dalam kalangan pelajar bertambah sebanyak 0.243 unit. Dengan lain perkataan kaedah pengajaran sejarah efektif adalah penting dalam meningkatkan amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Indonesia.

Peramal kedua terpenting yang menyumbang sebanyak 27.6 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Indonesia ialah penggunaan sumber efektif ($\beta=0.312$, $t=6.876$ dan $p=0.000$). Ini bermakna apabila skor penggunaan sumber efektif bertambah sebanyak satu unit amalan patriotisme dalam kalangan pelajar bertambah sebanyak 0.312 unit. Dengan lain perkataan penggunaan sumber efektif adalah penting dalam meningkatkan amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Indonesia.

Peramal ketiga terpenting yang menyumbang sebanyak 25.9 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Indonesia ialah penerapan nilai efektif ($\beta=0.355$, $t=8.029$ dan $p=0.000$). Keadaan ini menunjukkan apabila skor penerapan nilai dalam sejarah bertambah sebanyak satu unit, amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Indonesia bertambah sebanyak 0.355 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan penerapan nilai dalam sejarah dalam pengajaran adalah faktor utama yang menyumbang sebanyak 25.9 peratus kepada amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di Indonesia.

Analisis varians mendapati nilai $F(2, 597) = 124.721$; $p=0.000$ ($p<0.05$). Nilai R Kuasa Dua ($R^2=0.911$) menunjukkan sumbangan keseluruhan dua pembolehubah bebas yang diamati sebanyak 91.1 peratus terhadap amalan patriotisme dalam kalangan pelajar Indonesia iaitu penerapan nilai dalam sejarah sebanyak 25.9 peratus, penggunaan sumber efektif sebanyak 27.6 peratus dan kaedah pengajaran sejarah efektif sebanyak 29.5 peratus.

PERBINCANGAN

Penilaian Pelajar terhadap Pelaksanaan Pengajaran Sejarah Efektif Guru daripada Perspektif Pelajar di Malaysia dan di Indonesia

Secara keseluruhan tahap pelaksanaan pengajaran Sejarah efektif dalam kalangan guru daripada perspektif pelajar di Malaysia (min=3.33) dan di Indonesia (min=3.48) adalah pada tahap agak memuaskan. Dapatan pada tahap agak memuaskan bagi hampir keseluruhan aspek ini perlu dipandang serius kerana pelaksanaan pengajaran efektif antara medium penting dalam merealisasikan matlamat kurikulum Sejarah

Perbezaan antara dapatan pelaksanaan pengajaran oleh guru dan penilaian pelajar terhadap pengajaran guru menggambarkan kelompangan yang masih perlu diisi oleh penyelidik lain daripada konteks yang berlainan. Bagi perspektif guru Sejarah sama ada di Malaysia atau di Indonesia, mereka telah pun menjalankan amanah dan tanggung jawab selaras tuntutan global dalam membina kemenjadian pelajar secara holistik sebagaimana diakui oleh Boadu et al. (2020) menyatakan bahawa guru Sejarah kompeten menguasai kaedah, sumber dan nilai dalam amalan pengajaran khususnya dalam teori dan seni pengajaran. Pandangan tersebut disokong oleh Suyanto (2017) dan Zunaida Zakaria

(2018) bahawa dalam mencapai pemahaman berkenaan masyarakat, negara dan dunia melalui kemahiran pemikiran sejarah, guru Sejarah bersikap optimis dalam meningkatkan pemahaman kepada pelajar ketika pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, perspektif pelajar dalam membuat penilaian pelaksanaan pengajaran sejarah efektif guru adalah di tahap agak positif. Ini telah memberi gambaran bahawa mereka masih tidak berupaya meneroka idea yang kompleks dan abstrak walaupun telah diberi bimbingan oleh guru-guru.

Di Malaysia, integrasi nilai patriotisme dalam elemen merentas kurikulum dan melahirkan pelajar yang menghayati nilai dalam anjakan PPPM 2013-2025 (KPM 2018) menjelaskan kepentingan penerapan nilai dalam sejarah melalui subjek Sejarah. Manakala di Indonesia falsafah pendidikan berdasarkan nilai-nilai murni di samping mengembangkan dan membentuk peribadi (Kemdikbud 2012a) melalui subjek Sejarah memberi gambaran Indonesia komited mewujudkan keperibadian pintar pelajarnya sebagai warganegara. Namun begitu, dapatan guru pada tahap memuaskan dan tidak selari dengan dapatan pelajar pada tahap agak memuaskan pada aspek berbangga sebagai warganegara, bersemangat setia negara, setiakawan, berdisiplin serta berdaya saing dan produktif memberi gambaran perlu diambil perhatian. Kajian Nair dan Sinasamy (2018), Siti Nor Azhani et al. (2019) serta (Suyahman et al. (2017) menyokong dapatan bahawa nilai patriotisme perlu diperkukuhkan dengan penggunaan kepelbagaian sumber efektif dalam pengajaran sejarah.

Amalan Nilai Patriotisme dalam Kalangan Pelajar di Malaysia dan di Indonesia

Secara keseluruhan tahap amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia (min=4.18) dan di Indonesia (min=4.11) adalah sama iaitu pada tahap positif dan terdapat perbezaan yang signifikan ($t=2.148$; $p<0.05$) iaitu tahap amalan nilai patriotisme pelajar di Malaysia adalah positif berbanding pelajar di Indonesia.

Menurut Bar-Tal & Staub (1997) antara ciri individu yang mempunyai semangat patriotisme tinggi dilihat melalui tindakan mereka seperti mengibarkan bendera, berbangga menyanyikan lagu negara, serta apa jua tindakan yang boleh menggambarkan rasa cinta kepada tanahair. Dapatan amalan pada tahap menggalakkan ini memberi gambaran bahawa guru Sejarah telah berjaya mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara berkesan dalam kalangan pelajar. Ini disokong oleh dapatan Hayati Syafri dan Sendu Ardila (2018) yang melaksanakan kajian eksperimen melalui pengajaran berteraskan sumber pengajaran interaktif yang mengaplikasikan biografi tokoh-tokoh tempatan dengan objektif meningkatkan penghargaan kepada jasa dan perjuangan tokoh-tokoh. Penggunaan sumber tersebut telah berjaya meningkatkan patriotisme pelajar-pelajar di Indonesia. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Tuan Pah Rokiah Syed Hussain et al. (2016) yang mendapati belia berumur 15 tahun sehingga 30 tahun mempunyai semangat patriotisme yang membanggakan. Namun berbeza dengan dapatan kajian oleh Abdul Aziz (2017) dan kajian Nair dan Sinasamy (2018) yang menunjukkan keseluruhan pelajar-pelajar mencapai tahap agak memuaskan sahaja. Hal ini membuktikan pengamalan nilai patriotisme pada tahap agak memuaskan dalam kalangan pelajar adalah berpunca ketidakupayaan guru Sejarah menguasai pengetahuan dan penggunaan sumber yang tidak efektif semasa pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, pengetahuan, pemahaman dan integrasi sumber yang relevan berkenaan aspek sejarah lokal dan dunia merupakan mekanisme asas agar pelajar dibimbing untuk menilai fakta-fakta sejarah secara rasional (Siti Nor Azhani et al. 2019). Penilaian fakta memerlukan pemikiran kritis dan kreatif agar pemahaman dan penghayatan yang terperinci dan luas berkenaan sejarah yang dipelajari. Impak daripada pemahaman dan penghayatan berkenaan sejarah dapat membina kekuatan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Kepentingan dan kerelevanan sejarah pada masa kini perlu difokuskan sebagai teras kepada patriotisme sekaligus membina kelestarian manusia bagi kelangsungan peradaban masa depan di Malaysia dan di Indonesia.

Sumbangan Penilaian Pelajar terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Terhadap Amalan Nilai Patriotisme Pelajar di Malaysia dan di Indonesia

Penerapan nilai dalam sejarah memberi kesan yang tinggi berbanding kaedah pengajaran Sejarah terhadap amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar di Malaysia dan di Indonesia. Ini bermakna dalam merangsang amalan patriotisme guru perlu efisien membuat penerapan nilai dalam sejarah setiap kali dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kaedah pengajaran Sejarah efektif juga dilihat hanya sekadar memberi impak yang sedikit dalam memupuk amalan patriotisme pelajar di kedua-dua negara. Amalan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar lebih cenderung dipengaruhi oleh penerapan nilai dalam sejarah oleh guru.

Wajarliah Siti Nor Azhani et al. (2019) menyatakan bahawa nilai yang terdapat dalam subjek Sejarah perlu diketengahkan dan dijelmakan dalam bentuk amalan dan dijelaskan oleh guru. Kepentingan nilai dalam sejarah merupakan sesuatu yang signifikan dalam

kehidupan manusia dan sentiasa relevan tidak kira apa-apa situasi yang mendatang. Maka, menjadi satu keperluan asas kepada guru Sejarah untuk menerapkan minat dan iltizam penerapan nilai dalam sejarah khususnya di peringkat generasi muda lagi. Hal ini kerana persepsi positif atau negatif terhadap subjek Sejarah lazimnya timbul sejak dari kecil lagi. Guru juga perlu mengaplikasikan kaedah yang efektif dan menggunakan bahan-bahan pengajaran Sejarah berkesan dalam merangsang minat dan pemahaman pelajar terhadap sejarah agar membantu dalam peningkatan tahap patriotisme pelajar.

Kajian dari Indonesia oleh Apriliana et al. (2020) mengukuhkan dapatan kajian ini iaitu integrasi pengukuhan nilai dalam sejarah seperti peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian pembelajaran ternyata mengukuhkan pembelajaran Sejarah. Bentuk kemasan integrasi untuk memperkukuhkan karakter yang dapat dilihat dalam aktiviti pembelajaran dan penilaian sikap yang holistik. Keseimbangan secara komprehensif perlu kerana sifat patriotisme itu sendiri merangkumi aspek afektif dan kognitif yang perlu diterjemahkan melalui tingkah laku dalam keseluruhan kehidupan. Oleh itu, pelajar sebagai pembelajar aktif perlu ditanamkan doktrin bahawa untuk menjadi bangsa yang utuh kepada negaranya tidak boleh bersandarkan kepada material dan teknologi semata-mata sebaliknya penghayatan nilai dalam sejarah harus dijadikan pegangan.

KESIMPULAN

Pengalaman Malaysia dan Indonesia dalam melaksanakan kurikulum pendidikan bagi meningkatkan persepsi nilai patriotisme menunjukkan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri bangsa dan kesatuan negara. Pelaksanaan kurikulum yang mempromosikan nilai patriotisme mempunyai impak yang positif terhadap cara pelajar melihat, memahami dan menghargai negara mereka. Dengan memastikan bahawa kurikulum tersebut berlandaskan pada nilai-nilai kebangsaan dan ideologi negara, generasi muda dapat tumbuh sebagai individu yang cintakan dan menghormati tanah air mereka serta mewujudkan masyarakat yang stabil dan harmoni.

Malaysia dan Indonesia sepakat bahawa kurikulum Sejarah adalah sarana penting dalam mencapai status negara maju secara holistik khususnya ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang dinamik. Sehubungan itu, misi pendidikan difokuskan kepada pengembangan sistem pendidikan berkualiti bertaraf dunia yang akan merealisasikan potensi penuh individu dan memenuhi aspirasi di negara masing-masing. Bagi memenuhi keperluan tersebut, kurikulum Sejarah sentiasa memerlukan pengemaskinian objektif, bahan, proses pembelajaran dan penilaian hasil pembelajaran terhadap subjek Sejarah.

Namun yang pastinya, kedua-dua negara ini mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing bersesuaian dengan keadaan sosial dan budaya negara. Perbandingan dapatan bukan bermakna sesebuah negara tersebut lebih baik daripada negara yang dibandingkan. Kekurangan perlu dijadikan sempadan dalam memperbaiki kelemahan mengikut perspektif tempatan. Titik persamaan perlu dianalisis agar keistimewaan dan kelebihan dapat dihasilkan dalam merealisasikan aspirasi di negara masing-masing. Dalam hal ini, perbezaan dapatan kajian antara Malaysia dan Indonesia adalah disebabkan konteks kajian yang berbeza. Eksplorasi yang lebih mendalam mengenai setiap aspek yang dikaji penting kerana persekitaran sosial mempunyai perkaitan dengan pelaksanaan pengajaran efektif guru. Namun, nilai institusi, etos dan budaya di Malaysia dan di Indonesia juga harus diambil kira kerana berperanan besar dalam pembinaan bangsa melalui pendidikan.

BIBLIOGRAFI

Abdul Aziz Abdul Rahman. (2017). *Dorongan Persekitaran dan Penyertaan Sosial Terhadap Patriotisme dan Toleransi dalam Kalangan Belia Pelbagai di Semenanjung Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Razaq Ahmad. (2018). Patriotism Model for Multi-Ethnics Society in Malaysia. In the 2nd *International Conference on History Education* (pp. 16–23). Indonesia.

Anuar Ahmad. (2015). Pendidikan dan Proses Perpaduan di Malaysia. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<https://doi.org/10.1038/s41598-017-01670>

Apriliana Rusly Haniah, A. & R. S. (2020). Integration of Strengthening of Character Education and Higher Order Thinking Skills in History Learning. *Journal of*

Education and Learning (EduLearn), 14(2), 183–190.

<https://doi.org/10.11591/edulearn.v14i1.15010>

Asmahani Muhthar, Abdul Razaq, Mohd Mahzan Awang. (2021). Implementation of Diverse Approaches in Teaching History as Contributing Factors for Promoting Patriotic Values. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government Vol.*, 27(1), 2745–2753.

Boadu, G. (2015). Effective Teaching in History: The Perspectives of History Student-Teachers. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(1), 38–51.

Boadu, G., Donnelly, D., & Sharp, H. (2020). History Teachers' Pedagogical Reasoning and the Dynamics of Classroom Implementation in Ghana. *History Education Research Journal*, 17(2).

Boxtel, C. Van, & Drie, J. Van. (2018). Teaching historical thinking and reasoning: Construction of an observation instrument. *British Educational Research Journal*, (August). <https://doi.org/10.1002/berj.3471>

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th ed.). London: Routledge.

Dianto, T. (2017). *Pembudayaan Nilai-Nilai Patriotisme di Sekolah*. Universitas Pendidikan Indonesia.

Faiz, M., & Avcı, E. K. (2020). The Patriotic Attitudes of The Prospective Teachers. *International Journal of Psychology and Educational Studies*, 7(1), 124–134.

- Gess-Newsome, J. (2002). Pedagogical Content Knowledge: An Introduction and Orientation, 241–246.
- Hamidah Yusof, Mohd Asri Mohd Noor, M. M. & J. Y. (2019). Knowledge, Skills, and Attitudes of Malaysian Students on Global Citizenship Education. *Cakrawala Pendidikan*, 38(3), 426–437.
- Havekes, H., Boxtel, C. van, Coppens, P. A., & Luttenberg, J. (2017). Stimulating Historical Thinking in A Classroom Discussion: The Role of the Teacher. *Historical Encounters*, 4(2), 71–93.
- Hayati Syafri & Sendu Ardila. (2018). Teaching Speaking through SCAS Model to Arouse Students “ Patriotism. In *Sixth International Conference on Languages and Arts (ICLA 2017)* (Vol. 148, pp. 6–11). Indonesia: Atlantis Press.
- Ikhsan Othman. (2016). Education System in Malaysia and Indonesia for Human Resource Development. *European Journal of Social Sciences Education and Research*, 7(1), 117. <https://doi.org/10.26417/ejser.v7i1.p117-124>
- Johan Setiawan, A. & T. W. (2020). Understanding Indonesian History, Interest in Learning History and National Insight with Nationalism Attitude. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 9(2), 364–373.
- John W. Creswell & Vicki L. Plano Clark. (2018). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. SAGE Publications, Inc. (Third Edit). [https://doi.org/10.1016/S0953-7562\(10\)80014-0](https://doi.org/10.1016/S0953-7562(10)80014-0)

Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia. (2013). *Dokumen Kurikulum 2013*.
Indonesia: Tut Wuri Handayani.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran; Sejarah*.
Putrajaya, Malaysia: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pendekatan Modular Dalam
Pengajaran Dan Pembelajaran*. Putrajaya. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Sejarah Tingkatan 5 KSSM* (1st ed.).
Putrajaya, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Sejarah Tingkatan 4 KSSM*. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kim, S., Mahjabeen Raza, & Seidman, E. (2019). Improving 21st-century Teaching
Skills : The Key To Effective 21st-Century Learners. *Research in Comparative &
International Education*, 14(1). <https://doi.org/10.1177/1745499919829214>

Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Mohd Mahadee Ismail, Lee, Y.F, Arfah, A.
. & R. R. A. . (2020). Pendirian Generasi Muda Terhadap Penggunaan Bahasa
Melayu Sebagai Wadah Patriotisme di Malaysia. *Sains Insani*, 5(2), 17–24.

Moh. Fatkur Rohman, T. H. (2021). Pendidikan Agama Islam sebagai Basis Penguatan
Sikap Patriotisme. *Tribakti: Jurnal Pemikiran Keislaman*, 32(1).

- Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Mansor Mohd Noor, S. N. B. (2016). Penghayatan Semangat Patriotisme Belia Malaysia: Kajian Ke Atas PLKN. *Research Journal of Social Sciences*, 9(93), 37–44.
- Muhammad Adi Saputra, U. & S. (2018). The Impact of Discovery Learning and Critical Thinking towards Learning Outcomes of Indonesian History. *Journal of Historical Studies*, 10(20), 31–44.
- Nair, S. M., & Sinasamy, R. P. (2018). Patriotism among Secondary School Students and Its Relationship with their Interests towards Learning History. *Asian Journal of Education and Training*, 3(2), 110–117.
- Nordahlia Zainal, Mohd Mahzan, Abdul Razaq, A. A. & A. M. (2019). A Comparative Study of History Education Curriculum in Malaysia and Indonesia. In *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH)* (Vol. 2, pp. 86–89). Redwhite Press.
- Ramachindran, S., & Awang, M. M. (2023). Penggunaan Buku Teks Dan Hubungannya Dengan Amalan Nilai Patriotisme Dari Perspektif Pelajar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 761–770.
- Salmiza Saleh, & Sang, L. S. (2019). Classroom Pedagogy In German and Malaysian Secondary Schools: A Comparative Study. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 57–73.

- Sekaran, U & Bougie, R. (2016). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. John Wiley & Sons Ltd. (7th ed.).
https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_102084
- Setya Ningsih. (2018). Menumbuhkan Pendidikan Karakter Melalui Pendalaman Materi Sejarah Peminatan Kelas X SMA. *Diakronika*, 17(2), 144–156.
- Sharifah Nor Puteh, Lily Damayanti, S. P. F. (2012). Values in Character Education : A Comparative Study Between Malaysia and Indonesia. In *The 3rd International Conference on Learner Diversity*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharipah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor. (2016). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah-Sekolah Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia, 1957 - 1989. *Sejarah*, 25(2), 40–57.
- Siti Nor Azhani Mohd Tahar, Fauziah Ani &, & Asbah Razali. (2019). Penerapan Identiti Nasional Melalui Sejarah: Membina Kelestarian Insan dalam Kalangan Generasi Muda. *Journal of Techno Sosial*, 11(1), 54–60.
- Sobri, K. M., Hanum, F., Zulnaidi, H., Ahmad, A. R., & Alfitri. (2017). A Comparative Study of School Environment for Students' Skills Development in Malaysia and Indonesia. *Kasetsart Journal of Social Sciences*.
- Straaten, D. Van, Wilschut, A., & Oostdam, R. (2018). Exploring pedagogical approaches for connecting the past , the present and the future in history teaching. *Historical Encounters*, 5(June), 46–67.

Susantono, B., & Park, C.-Y. (2020). *Future of Regional Cooperation in Asia and the Pacific*. Retrieved from www.adb.org

Sutimin, L. A. (2019). Development of Students' Knowledge of History: Acceptance and Rejection of the Indonesia-Malaysia Confrontation Narratives. *Journal of Social Studies Education Research*, 10(2), 290–307.

Suyahman, Muhammad Furqon Hidatullah, M. & A. (2017). Reinforcing The Students ' Patriotism Character Value Using Pancasila And Civic Education Learning With Folklore Media. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(6), 16–23.

Suyanto, S. (2017). A Reflection on the Implementation of A New Curriculum in Indonesia : A Crucial Problem on School Readiness. In *The 4th International Conference on Research, Implementation, and Education of Mathematics and Science* (Vol. 1868). Indonesia.

The Legatum Prosperity Index. (2019). *Legatum Institute*. Retrieved from <https://www.prosperity.com/>

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Shamsul Anuar Nasarah. (2016). Pembinaan bangsa Malaysia (2): Kajian Empirikal Tahap Bangsa Negara Belia. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10).

Vesamavibool, S., Urvongse, S., Hanpanich, B., Thongnoum, D., & Watcharin, K. (2015). The Comparative Study of Professional Standards for Thai Teachers and for Asean Teachers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191, 2280–2284.

Munshi :Jurnal Sejarah dan Kepolitikan X issue x (x-x)

© Year, e-ISSN doi

Zunaida Zakaria. (2018). *Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah (KSSR) dalam Meningkatkan Pengetahuan dan Kefahaman Jati Diri Warganegara Malaysia.*

Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.